

**TEKS UCAPAN
DATO' PROF. DR. ZUL AZHAR ZAHID JAMAL
NAIB CANSELOR
UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS
SEMPENA MAJLIS SANTAPAN MALAM UniMAP 2018
21 JANUARI 2018
DI HOTEL SERI MALAYSIA KANGAR, JAM 9.00 MALAM**

Raja Berdaulat, Rakyat Berilmu, Negeri Sejahtera, Perlis Maju

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Salam Satu Malaysia, Salam Negaraku Malaysia - Sehati Sejiwa

Salam Ilmu, Keikhlasan, Kecemerlangan UniMAP

SALUTASI DIRAJA

Menghadap :

Duli Yang Maha Mulia Raja Perlis, Tuanku Syed Sirajuddin Ibni Al-Marhum

Tuanku Syed Putra Jamalullail,

dan

Duli Yang Maha Mulia Raja Perempuan Perlis, Tuanku Tengku Fauziah Binti

Al-Marhum Tengku Abdul Rashid

Ampun Tuanku,

1. Patik mewakili sekalian Pengurusan Universiti Malaysia Perlis merafak sembah menjunjung kasih yang tidak terhingga atas perkenan Duli Tuanku berdua bercemar Duli berangkat hadir ke majlis santapan malam ini. Sesungguhnya keberangkatan Duli Tuanku berdua menambah seri penganjuran majlis ini.

2. Patik juga merafak sembah menjunjung penuh kasih kepada Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail, Canselor UniMAP,
Dan
Duli Yang Teramat Mulia Raja Puan Muda Perlis, Tuanku Hajjah Lailatul Shahreen Akashah Khalil, Pro-Canselor UniMAP atas perkenan Duli-Duli Tuanku berangkat hadir ke majlis ini yang dianjurkan bersempena Ulang Tahun Keputeraan DTYM Tuanku Canselor yang ke-50.
3. Sesungguhnya Patik sekalian warga UniMAP berasa amat bertuah kerana dapat berkhidmat dengan sebuah universiti yang terletak di negeri Perlis terutamanya di bawah naungan Duli Tuanku Raja yang sentiasa prihatin kepada perkembangan dan pembangunan pendidikan amnya dan UniMAP khasnya.
4. Seperti yang Tuanku ketahui, UniMAP kini telah memasuki usia 16 tahun penubuhannya yang mana jika ia diterjemahkan kepada usia seorang manusia - UniMAP kini berada pada fasa remaja. Sesuai dengan fasa itu sendiri UniMAP pastinya melalui pelbagai cabaran dalam meletakkan universiti ini ke tahap yang membanggakan.
5. Suka patik menyembah maklum kepada DYMM Tuanku berdua, UniMAP kini telah berjaya menempatkan diri sebagai antara 300 universiti terbaik di dunia berdasarkan penarafan QS Rankings dalam beberapa bidang pendidikan seperti Kejuruteraan Mekanikal dan Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik. Meskipun merupakan universiti ke-17 yang ditubuhkan di Malaysia, UniMAP kini berjaya menempatkan diri sebagai antara 10 universiti terbaik di Malaysia. Ampun Tuanku, bagi aspek penarafan tempatan pula, UniMAP menerima penarafan 5 bintang di bawah penarafan SETARA.

6. Patik selaku Naib Canselor UniMAP amat memandang serius terhadap aspek pembangunan kerjaya akademik yang merupakan teras utama perniagaan sesebuah universiti. Untuk itu, suka patik menyembah maklum kepada DYMM Tuanku berdua bahawa UniMAP kini memiliki hampir 45 peratus tenaga pengajar akademik yang mempunyai kelulusan dan kelayakan PhD.
7. Sejajar dengan perkembangan revolusi industri 4.0, Patik dan sekalian warga UniMAP bersedia penuh dalam menjayakan dan merealisasikan perkembangan revolusi dalam kurikulum pengajaran dan pembelajaran. Patik sekalian melihat agenda ini sebagai yang utama dalam usaha melahirkan graduan yang kompeten dan memenuhi daya saing industri Negara.
8. Menyentuh aspek graduan, suka juga patik menyembah maklum bahawa kadar kebolehpasaran graduan UniMAP yang berjaya memperolehi pekerjaan pada hari Konvokesyen berjaya mencecah hampir 85 peratus sekaligus membuktikan bahawa program pengajian yang disediakan di UniMAP ini amat relevan dengan keperluan Negara.
9. Ampun Tuanku, dalam aspek penyelidikan pula, suka patik menyembah maklum kepada Duli Tuanku Berdua, UniMAP kini sedang dalam proses untuk mempatenkan 126 produk penyelidikan kita yang berpotensi yang tinggi sebagai pelengkap kepada enam produk yang telah berjaya dipatenkan sebelum ini. Untuk makluman Duli Tuanku berdua, enam produk yang telah berjaya dipatenkan itu adalah hasil penyelidikan Prof. Madya Dr. Mohd Mustafa Albakri Abdullah (3 produk); Dr. Soh Ping Jack (1 produk); Prof. Madya Dr. Muhammad Syarhabil Ahmad (1 produk); dan Dr Shaiful Rizam Shamsudin (1 produk).

10. Patik juga ingin menyembah maklum bahawa dalam tempoh 16 tahun ini, UniMAP telah berjaya mengkomersialkan empat produk iaitu Artificial Marble; Dr. Soh's Repellent; MeeGO; dan Aquasense.
11. Ampun Tuanku, sesungguhnya UniMAP dan Perlis berpisah tiada. Atas perasaan kasih dan sayang kepada negeri Perlis dan seluruh isinya, setiap apa yang patik sekalian miliki Insya Allah akan dikongsikan bersama warga Perlis. Atas kesempatan ini, patik ingin menyembah maklum bahawa sepanjang tahun 2017 sahaja, UniMAP telah menjalankan lebih dari 20 program USR kepada masyarakat di Perlis. Antaranya, Misi Membaikpulih Rumah Asnaf, Misi Agihan Pek Pakaian Sekolah untuk asnaf, Gema Kasih@Komuniti, Misi Santuni Asnaf, Misi Carboot Free Sale dan Free Market Karnival Rahmah.
12. Patik sekalian beruntung kerana dinaungi oleh Canselor yang berjiwa rakyat, yang senantiasa mencari ruang dan masa dalam menyantuni masyarakat di seluruh negeri Perlis ini. Terkini, majlis yang berlangsung pagi tadi iaitu Program Limpahan Kasih UniMAP @ Kampung Balik Guar Chuping.
13. Suka patik menyembah maklum, program ini amat unik kerana UniMAP mengambil tanggungjawab untuk menempatkan Pusat Transformasi Komuniti Universiti (UCTC) yang berperanan sebagai 'One-stop Community Outreach Centre' bagi berkongsi kepakaran dengan masyarakat setempat. Insya Allah, pelbagai kepakaran dan sumber universiti melalui pengendalian serta pemantauan inisiatif keterlibatan universiti-komuniti berteraskan ilmu yang berimpak akan mampu mentransformasikan komuniti tempatan.
14. Selain itu, patik juga ingin menyembah maklum, atas rasa kesedaran serta tanggungjawab sosial di kalangan warga UniMAP, pensyarah-pensyarah daripada PPK Sistem Elektrik juga turut sama membantu masyarakat

- setempat melalui perkongsian kepakaran dalam teknologi panel solar yang dipasang di Surau Kampung Balik Guar.
15. InsyaAllah, UniMAP akan terus membantu dan menggalakkan individu atau syarikat korporat untuk mewakafkan Panel solar di surau dan masjid di negeri ini sebagai satu daripada cara menampung kos bagi menjalankan aktiviti dan program kemasyarakatan.
 16. Ampun Tuanku, Insya Allah dengan pencapaian yang diraih ini serta dengan semangat tahun baharu 2018, patik sekalian akan terus melipatgandakan usaha dalam memacu UniMAP ke tahap yang lebih membanggakan.

Ampun Tuanku, sembah Patik mohon diampun.

17. Izinkan patik untuk sedikit sembah ucapan sempena ulang tahun keputeraan Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Syed Faizuddin Putra yang ke-50. UniMAP amat berbesar hati dan menghargai keberangkatan hadir Duli Tuanku dan Duli Tuanku Raja Puan Muda di sini.
18. Walaupun sudah melewati tarikh keputeraan Tuanku, patik sekalian berharap masih belum terlambat untuk kita meraikannya, lebih-lebih lagi ulang tahun kali ini adalah yang ke- 50 - yang melambangkan kematangan yang tinggi. Adalah menjadi harapan patik sekalian dengan pertambahan usia Tuanku akan terus meningkatkan kredibiliti dan komitmen jitu Tuanku selaku Canselor UniMAP dalam memacu UniMAP ke arah yang lebih cemerlang dan gemilang.
19. Ampun Tuanku, five series ini banyak sungguh keistimewaannya. Bagi patik secara peribadi, sekiranya ada orang yang bertanya samada mahu pulang ke zaman muda setelah melalui zaman *five series* ini, patik akan mengatakan, sudah tentu tidak! *Cruising along at this age, Tuanku, is one*

of the best things that have happened to me. Patik percaya Tuanku juga akan melalui fasa hidup yang lebih bahagia pada tahun-tahun mendatang ini, in syaa Allah.

20. Dalam tugas seharian di mana pelbagai perkara-perkara operasional perlu diteliti dan diberi perhatian, idea serta teguran daripada Tuanku dari semasa ke semasa amat berguna sekali. Perspektif yang Tuanku bawa ke meja sentiasa segar, bernas, dan kadang-kadang mengejutkan. Sudut pandangan yang Tuanku tawarkan ada kalanya menguji minda dan mencabar fikiran, sehingga membuka ruang dan peluang kepada patik sekalian menyoal kembali status quo yang dilazimi.
21. Kerana itulah UniMAP amat bersyukur mendapat Canselor dan Pro-Canselor yang boleh dijadikan tempat berpayung dan bersandar. Tuanku berdua ibarat permata yang bergemerlapan, mencerahi suasana, dan mewarnai perjalanan Universiti ini. Semoga Duli-Duli Tuanku selalu berada dengan UniMAP, dan semoga Allah SWT melipat-gandakan berkat dan kurnia kepada Tuanku sekeluarga tahun ini dan tahun-tahun seterusnya, selagi hayat dikandung badan. Amin.

Ampun Tuanku, sembah Patik Mohon Diampun.

Izinkan patik menyampaikan ucapan kepada barisan tetamu yang hadir.
Ampun Tuanku.

SALUTASI

**Yang Berbahagia Dato' Dr. Mohd Sofi Osman, Pengerusi Lembaga Pengarah
Universiti Malaysia Perlis**

**Yang Berbahagia Dato' Kamel Mohamad, Timbalan Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Tinggi dan Yang Berbahagia Datin,
Ahli-ahli Lembaga Pengarah Universiti Malaysia Perlis**

Rakan-rakan saya, Timbalan - timbalan Naib Canselor UniMAP

Yang Berusaha Pegawai -Pegawai Utama Universiti

Dekan-dekan dan Ketua-ketua Jabatan,

Seterusnya staf Universiti Malaysia Perlis yang saya kasihi sekalian.

KATA ALU-ALUAN

22. Alhamdulillah, bersyukur kerana masih lagi diberi kesempatan oleh Allah Aza Wajalla untuk merasai nikmat kehidupan pada hari ini dan marilah kita menadah tangan memanjatkan kesyukuran kepadaNya kerana memberikan kita kesempatan berkumpul di malam yang indah lagi permai untuk bersama-sama meraikan Hari Keputeraan Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Perlis yang juga merupakan Tuanku Canselor UniMAP. Malah pada Majlis Santapan Malam UniMAP 2018 ini juga, saya ingin memperkenalkan Ketua Jabatan UniMAP - agar hubungan kita bersama Duli-Duli Tuanku dapat dipereratkan lagi.

Hadirin sekalian,

23. Alhamdulillah, di usia 16 tahun ini UniMAP sudahpun mempunyai kampus induknya yang terletak di Pauh Putra. UniMAP kini mempunyai 2107 staf yang terdiri daripada 1063 staf akademik (411 Doktor Falsafah, 484 pensyarah (Sarjana) dan 168 staf (sarjana muda) termasuk guru

bahasa, tutor dan PLV. Bagi staf bidang pentadbiran pula, UniMAP memiliki 1,044 staf dengan pecahan :

- pegawai gred 41 dan keatas - 214 orang
- staf teknikal -175 orang
- staf sokongan - 655 orang

Dari jumlah 2107 staf, seramai 1588 merupakan staf tetap, 497 kontrak, 9 berkhidmat separuh masa dan 13 staf berada dalam skim khas UniMAP. Terkini, 19 staf UniMAP berstatus Ts., iaitu Teknologis Profesional, yang dianugerahkan Lembaga Teknologis Malaysia (atau MBOT).

24. Terlalu banyak yang ingin diperkatakan. Namun saya kira cukup dulu setakat ini kerana seperti yang saya katakan tadi, majlis ini selain daripada meraikan sambutan ulangtahun hari keputeraan Tuanku Canselor kita, tujuan kita berkumpul pada malam ini adalah bagi memperkenalkan ketua jabatan UniMAP kepada Duli-duli tuanku agar dapat dipereratkan lagi hubungan kita bersama Duli-duli tuanku.

25. Seperti tayangan video sebentar tadi, itu lah wajah-wajah yang menjadi tulang belakang saya selama ini. Terima kasih kerana setia menyokong saya selama ini. Oleh itu, di sini saya hanya ingin memperkenalkan ketua jabatan yang akan memulakan tugas mereka secara rasmi pada 1 Mac 2018 nanti. Ada antara mereka sememangnya masih lagi menjadi ketua jabatan UniMAP, namun lantikan pada 1 Mac 2018 nanti adalah kerana mereka akan bertukar Jabatan dan menjadi ketua di jabatan baharu itu. Diperkenalkan...

- 1) **Prof. Madya Dr. Khairul Azwan Ismail - Dekan, Pusat Pengurusan Penyelidikan Dan Inovasi**
- 2) **Prof. Madya Dr. Noorhafiza Muhammad - Dekan, Pusat Pengajian Kejuruteraan Pembuatan**

- 3) Dr. Salsuwanda Selamat - Pengarah, Pusat Hal Ehwal Antarabangsa
- 4) Prof. Madya Ir. Abdul Ghapar Ahmad - Pengarah, Jabatan Pembangunan
- 5) Prof. Madya Dr. Shuhairimi Abdullah - Pengarah, Pusat Islam

26. Semoga gabungan lama dan baharu ini selain pertukaran pusat tanggungjawab, diharap mampu mempertingkatkan lagi usaha kita untuk memajukan UniMAP sebagai sebuah pusat intelek yang terkemuka bukan sahaja di Malaysia malah seanterio dunia dengan berfokuskan bidang yang ditekankan oleh pihak kementerian supaya ia selari dengan kehendak kementerian tetapi membawa kebaikan kepada masyarakat terutamanya di negeri yang kita kasihi ini iaitu Perlis. InsyaAllah.

Hadirin sekalian,

PENUTUP

27. Rasanya tidak perlu untuk saya bercakap dengan lebih panjang lebar lagi. Harapan saya semoga perkongsian saya pada malam ini memberi gambaran jelas apa usaha dan tindakan yang perlu kita lakukan demi kemajuan UniMAP dan Perlis. InsyaAllah.

SEMBAH PENUTUP

Ampun Tuanku,

18. Sekian sahaja sembah ucapan patik. Sekali lagi patik mewakili seluruh warga UniMAP merafak sembah, menjunjung kasih atas perkenan Duli-Duli tuanku kerana sudi bercemar duli berangkat ke majlis ini.

19. Semoga Duli-Duli Tuanku serta seluruh kerabat Diraja sentiasa berada dalam lingkungan aman sentosa, sihat walafiat serta dilanjutkan usia. Amiin.

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.